

Februari 1999

**YKA 103 – Komunikasi dan Masyarakat**

Masa: 3 jam

---

**ARAHAN KEPADA CALON:**

*Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan 4 soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.*

**Jawab TIGA (3) soalan. Soalan 1 diwajibkan. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.**

*Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.*

1. Seorang pembaca yang menghantar surat kepada ruangan **Remaja Menulis** dalam *Utusan Malaysia* baru-baru ini berpendapat bahawa "nilai hidup Barat yang ditonjolkan melalui media sedikit-sedikit telah menggugat nilai-nilai murni masyarakat. Ciri-ciri keganasan, seks serta keruntuhan rumah tangga mula mempengaruhi pemikiran remaja yang menjadi penonton majoriti."

Bincangkan pendapat ini dengan contoh-contoh.

(100 markah)

- X 2. Sejarah persuratkhabaran di Malaysia menunjukkan bahawa pergolakan dalam masyarakat mempengaruhi perkembangan media tersebut. Pilih dua daripada akhbar berikut dan jelaskan perhubungan perkembangannya dengan keadaan masyarakat:

- (a) *Tamil Malar*
- (b) *Utusan Melayu*
- (c) *Nanyang Siang Pao*
- (d) *New Straits Times*
- (e) *Al-Imam*
- (f) *Utusan Sarawak*
- (g) *Jawi Peranakan*

(100 markah)

...2/-

3. Berbagai cara telah digunakan oleh pihak berkuasa untuk membendung kebebasan bersuara di negara ini. Salah satu cara ialah melalui perundangan. Jelaskan dua daripada undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia. Huraikan implikasinya terhadap kebebasan media.

(100 markah)

4. Sejauh manakah pertambahan saluran radio dapat memupuk perkongsian makna di kalangan rakyat Malaysia? Bincangkan dengan contoh-contoh.

(100 markah)

-oooOooo-